


# Hong Leong Regular Income Fund

Kembangkan pelaburan anda dengan potensi pendapatan secara tetap



**Volatiliti lebih rendah berbanding dana-dana ekuiti dengan adanya peruntukan yang lebih tinggi dalam instrumen pendapatan tetap**

**Mensasarkan pulangan yang lebih baik berbanding deposit tetap dalam jangka sederhana hingga panjang**

**Pendedahan ekuiti kepada pasaran Asia Pasifik kecuali Jepun untuk kepelbagaian**

<b>Kategori Dana</b>	Pendapatan Tetap
<b>Jenis Dana</b>	Pendapatan & Pertumbuhan
<b>Penilaian Risiko Produk</b>	Sederhana
<b>Objektif Pelaburan</b>	Dana ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada pelabur untuk menikmati pendapatan secara tetap* dan mendapatkan pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang** dengan melabur dalam pelbagai portfolio pelaburan yang mengandungi campuran instrumen pendapatan tetap, ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.  * Agihan pendapatan (jika ada) akan dilaburkan semula ke dalam unit-unit tambahan kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan tersebut dibayar. ** 3 hingga 5 tahun
<b>Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)</b>	Instrumen pendapatan tetap: Minimum 70%, Maksimum 100% Ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti: Minimum 0%, Maksimum 30%
<b>Pelaburan Permulaan Minimum</b>	RM 1,000
<b>Pelaburan Tambahan Minimum</b>	RM 100
<b>Caj Jualan</b>	Sehingga 3.00% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit
<b>Yuran Tahunan Pengurusan</b>	Sehingga 1.50% setahun
<b>Yuran Tahunan Pemegang Amanah</b>	Sehingga 0.05% setahun tertakluk kepada minimum RM9,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj kustodian asing)

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga bertarikh 18 Ogos 2023, 5 Januari 2024 dan 19 Ogos 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyor atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pender sah HLM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Jika agihan/pecahan unit diumumkan, pelabur adalah dimaklumkan bahawa berikutan terdapatnya terbitan unit-unit tambahan/agihan, NAB seunit akan berkurangan daripada NAB sebelum agihan/NAB sebelum pecahan unit kepada NAB selepas agihan/NAB selepas pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembiayaan unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur seharusnya mengetahui tentang risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko pelaburan-semula, risiko penerbit tunggal, risiko matawang, risiko negara dan risiko derivatif. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun, dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuatkuasa dalam semua keadaan.

